

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14/09/2017B

# Trump puji Najib, hargai sumbangan Malaysia

**TRUMP:** Terima kasih banyak. Saya bangga menerima kunjungan Perdana Menteri Malaysia dan delegasi kehormatannya. Kami berbincang berkaitan rundingan perdagangan yang sangat besar. Kami berusaha ke arah rundingan pembelian jet Boeing bernilai antara 10 dan 12 billion dolar, enjin 'General Electric' dan banyak lagi.

Selain itu, Malaysia merupakan pelabur yang besar di Amerika Syarikat (AS) dalam bentuk saham dan bon serta pasaran saham dan mereka (anda) tentunya gembira kerana pasaran saham kami meningkat hampir setiap minggu. Kami amat bangga dengan pasaran saham kami dan apa yang telah berlaku sejak saya menjadi presiden. Saya ucapkan tahniah kepada anda untuk pelaburan-pelaburan itu.

Tetapi saya juga mahu katakan, adalah menjadi satu penghargaan bagi saya untuk anda berada di sini. Ia juga satu penghargaan menerima kunjungan delegasi lain. Saya percaya anda semua akan berada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) minggu depan, ramai yang akan hadir. Ia akan jadi minggu yang mengujakan dan kita semua menantinya.

Tetapi saya mahu ucapkan terima kasih di atas semua pelaburan yang anda buat di AS. Juga, Perdana Menteri mempunyai peranan besar tidak membenarkan ISIS - atau apa yang kamu sebut, Daesh - dan lain-lain untuk terus wujud.

**BERIKUT** transkrip penuh perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Amerika Syarikat, Donald J Trump di White House, Washington, Amerika Syarikat, kelmarin.

Dan beliau sangat tegas menentang keganasan di Malaysia dan menjadi penyokong kuat usaha itu. Ini sangat penting kepada AS.

Beliau tidak lagi menjalankan pemiagaan dengan Korea Utara lagi dan kami fikir perkara itu amat penting. Kami telah membuat pengundian untuk sekatan semalam. Kami berpendapat ia langkah amat kecil - bukan perkara besar. Rex Tillerson) dan saya telah berbincang - tidak besar. Saya tidak tahu jika ada sebarang kesan tetapi amat baik untuk dapat undian 15-0. Tetapi sekatan itu bukan apa-apa, berbanding apa yang akan berlaku.

Jadi terima kasih kepada semua yang hadir, kami menghargainya. Tuan Perdana Menteri, kami bangga menerima kunjungan anda ke AS dan juga White House. Terima kasih semua kerana berada di sini. Terima kasih banyak.

**TRUMP:** Tuan ada apa-apa hendak cakap?

**NAJIB:** Terima kasih banyak Tuan Presiden atas undangan kepada saya dan delegasi untuk bertemu dengan anda di White

House. Saya mahu nyatakan kami datang dengan cadangan bernilai tinggi untuk dikemukakan.

Pertama, kami mahu membantu dari segi memperkukuhkan ekonomi AS. Saya datang dengan tiga cadangan khusus. Pertamanya, kami mahu mempertingkatkan pembelian pesawat Boeing oleh MAS. Kami komited untuk 25 pesawat 737 MAX 10, ditambah lapan 787 Dreamliners, terdapat kebarangkalian tinggi - bukan kemungkinan - kebarangkalian kami akan tambah 25 lagi 737 MAX 10 pada masa depan. Jadi dalam tempoh lima tahun, rundingan ini akan bernilai lebih AS\$10 bilion. Itu yang pertama. Kami juga cuba memujuk AirAsia untuk membeli enjin GE.

**TRUMP:** Bagus

**NAJIB:** Keduanya, kami mempunyai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, iaitu tabung wang persaraan utama di Malaysia. Ia memiliki modal yang agak besar untuk dieksport. Mereka melabur hampir AS\$7 bilion dalam bentuk ekuiti di AS dan berhasrat melabur tiga ke empat bilion dolar tambahan untuk menyokong kemudahan pembangunan semula di AS.

**TRUMP:** Bagus

**NAJIB:** Dan ketiganya, dana kekayaan negara kami, Khazanah, mereka mempunyai pejabat di Silicon Valley. Mereka melabur kira-kira AS\$400 juta dalam syarikat-

syarikat berteknologi tinggi dan mereka juga berhasrat meningkatkan pelaburan mereka.

Keduanya, sasaran lain kepada pentadbiran anda, Tuan Presiden, iaitu mahu menjadikan AS selamat dan dengan itu dunia juga selamat - Kami komited menentang Daesh, IS, Al-Qaeda, Abu Sayyaf - semuanya. Mereka merupakan musuh AS, mereka juga musuh Malaysia dan kami akan memainkan peranan untuk memastikan dunia ini selamat.

Kami juga akan menyumbang dari segi peperangan ideologi kerana kamu mesti memenangi hati dan minda. Dan kuncinya ialah dengan mendukung kerajaan dan rejim Muslim yang sederhana serta progresif di seluruh dunia, kerana itu merupakan wajah sebenar Islam, wajah asli Islam. Lebih banyak kamu bersama rejim yang progresif dan sederhana, lebih baik dari segi untuk memenangi hati dan minda dunia Muslim.

**TRUMP:** Betul.

**NAJIB:** Jadi, Tuan Presiden, terima kasih sekali lagi. AS sentiasa menjadi rakan kami untuk tempoh yang amat panjang. Dan tahun ini merupakan ulang tahun pertubuhan ke-60, dan saya berharap pertemuan hari ini akan membuatkan hubungan ini lebih kukuh pada masa-masa hadapan.

**TRUMP:** Terima kasih. Saya menghargainya.

UM-14/9/2017 pg. 2